

# ASPIRASI

"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

## TEMU RAMAH PERSARAAN BERSAMA KETUA EKSEKUTIF KPF NIAGA, ENCIK ISHAK BIN RADZI

(selama 38 tahun bersama KPF dan Kumpulan FELDA)

Tanggal 31 Disember 2023 merupakan tarikh terakhir perkhidmatan Encik Ishak bin Radzi bersama KPF dan Kumpulan. Jabatan Komunikasi Korporat KPF sempat menemu ramah beliau tentang kisah peribadi, pengalaman kerjaya dan pesanannya.

**Boleh ceritakan sedikit latar belakang atau pengenalan?**

"Saya dilahirkan di Pulau Pinang pada 29 Jun 1961. Orang tua saya mengambil keputusan untuk berhijrah ke FELDA Kampung Awah, Temerloh pada tahun 1962. Kami tiga beradik dibesarkan dan mendapat pendidikan sekolah rendah di situ. Tahun 1975 ketika FELDA membuka asrama FELDA di Kuala Lumpur, saya merupakan *batch* pertama yang dipilih untuk menduduki asrama tersebut dan saya bersekolah di Sekolah Menengah Aminuddin Baki sehingga tingkatan enam pada tahun 1980. Seterusnya, daripada tahun 1981 sehingga 1984 saya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dalam jurusan Antropologi dan Sosiologi. Setelah saya bergraduasi, saya memulakan kerjaya sementara sebagai Penolong Penyelidik di Universiti Malaya pada tahun 1984. Pada 1 Julai 1985, tarikh ini merupakan tarikh keramat bagi saya kerana kerjaya saya bersama Kumpulan FELDA bermula sehingga ke hari ini. Ketika itu, saya berkhidmat bersama Perbadanan Niaga FELDA yang dikenali sebagai FELDA Trading Sdn. Bhd. (FTSB) pada tahun 1996. Saya terus berkhidmat dengan FTSB sehingga tahun 2008."



**Berapa lama tempoh perkhidmatan bersama Kumpulan KPF dan apakah sebab persaraan?**

"Tahun 2008, FTSB diambil alih oleh KPF. Jadi bermula pada 1 Januari 2008 merupakan sejarah baharu kerjaya saya bersama dengan Kumpulan KPF. Ketika itu, FTSB ditukarkan menjadi KPF Trading Sdn. Bhd (KPF Trading). Kemudian, KPF Trading distruktur semula pada tahun 2018 dan wujudnya syarikat baharu yang dikenali sebagai KPF Niaga Sdn. Bhd (KPF Niaga). Di sinilah saya mula berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif KPF Niaga, sehingga saya mencapai umur persaraan wajib pada 29 Jun 2021. Jika dikira tempoh sebenarnya, sambungan kontrak saya sehingga 31 Disember 2023 adalah selama 2 tahun 6 bulan. Melalui perkiraan saya, dari tarikh 1 Julai 1985 sehingga 31 Disember 2023, tempoh perkhidmatan saya bersama Kumpulan FELDA telah mencecah 38 tahun dan enam bulan."

**Apakah pandangan peribadi tentang hala tuju KPF Niaga dan Kumpulan KPF?**


"Secara peribadinya, saya merasakan KPF merupakan koperasi yang terbilang dan di antara koperasi yang terbesar di dalam negara kita. Jika kita lihat dari segi jumlah anggotanya, KPF mempunyai lebih daripada 250 ribu anggota. Jadi, saya melihat hala tuju KPF adalah untuk menjadi sebuah koperasi yang mampan dan mampu memberikan pulangan terbaik kepada anggotanya. KPF tidak lagi hanya berperanan sebagai pelaburan am sepenuhnya tapi KPF juga terlibat dengan pelbagai aktiviti perniagaan. KPF dan Kumpulan terdiri daripada tujuh buah anak syarikat dan kita mempunyai anggota yang besar dan di dalam komuniti FELDA, kita juga ada lebih kurang 112 ribu buah keluarga. Daripada ekosistem berkenaan, kita mempunyai ruang dan peluang yang besar untuk dimanfaatkan. Kalau kita imbas semula pendekatan serba lengkap yang pernah diperkenalkan semasa peringkat awal pembangunan FELDA berpuluhan tahun dahulu, saya rasa kita boleh menggunakan pendekatan yang sama di dalam Kumpulan KPF."

"KPF Niaga mempunyai empat bidang keberhasilan iaitu stesen minyak, bekalan dan perkhidmatan, agensi insurans dan kreatif media yang dulunya dikenali sebagai bahagian percetakan. Dari segi hala tuju Kumpulan KPF, kita harus memastikan setiap bidang keberhasilan tersebut bersifat mandiri. Maksudnya boleh berdiri sendiri dan tidak bergantung kepada bidang keberhasilan yang lain. Dalam erti kata mudahnya, kita perlu memastikan setiap bidang keberhasilan tersebut menyumbang kepada keuntungan. Seterusnya, kita hendaklah memastikan bidang keberhasilan tersebut setara dengan industri di luar. Contohnya, KPF Niaga kini memiliki 33 buah stesen minyak di atas jenama PETRONAS, BHPetrol dan juga PETRON. Jadi, kita perlu membandingkan standard kita dengan standard industri dari segi keterampilan, net profit margin dan juga servis pelanggan. Contoh kedua, agensi insurans yang kita miliki. Sejauh mana tahap persaingan kita dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan dalaman mahupun pelanggan luaran. Kita perlu sentiasa mengadakan bench mark antara kita dengan industri. Maka, harapan kita ataupun hala tuju kita sebagai Kumpulan KPF adalah kita dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada komuniti."

**Boleh kongsikan sedikit pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang berkhidmat?**

"Sukar untuk saya ceritakan pengalaman yang tidak boleh dilupakan. Terlalu banyak sebenarnya yang berlaku dalam tempoh 38 tahun dan terlalu banyak memori tercipta sebenarnya. Yang boleh saya katakan, pengalaman itu mengajar saya erti kedewasaan. Pengalaman itulah yang memberikan ilmu pengetahuan.

Sepanjang perkhidmatan, saya juga berpeluang untuk melancang ke luar negara. Banyak negara yang telah saya lawati sama ada lawatan kerja ataupun *business trip* yang merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Yang lebih penting pada saya adalah pengalaman saya bersama dengan kumpulan. Prinsip saya, tidak kira di manapun saya berkhidmat sama ada di dalam mana-mana syarikat ataupun jabatan, peluang bersama dengan petugas, pihak pengurusan dan atasan, merupakan pengalaman berharga yang tidak dapat saya lupakan."

**Apakah perancangan selepas persaraan?**

"Sejurnya, saya tidak mempunyai apa-apa perancangan selepas persaraan walaupun ini merupakan bulan terakhir perkhidmatan saya. Hal ini disebabkan terlalu banyak perkara yang perlu diselesaikan sehingga tidak sempat untuk memikirkan perancangan selepas persaraan ini. Cuma bagi saya, masa terluang akan lebih banyak dihabiskan bersama dengan keluarga dan tidak lagi terikat dengan jadual pekerjaan."

**Boleh kongsikan sedikit harapan atau pesanan peribadi?**

"Harapan saya walaupun tidak lagi berkhidmat, KPF akan terus menjadi sebuah koperasi yang terbilang dan dikenali bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Pesanan saya untuk kakitangan Kumpulan KPF, terutamanya KPF Niaga, kita kadang kala terlalu memikirkan apa yang syarikat boleh bagi kepada kita. Saya lebih suka menyarankan kepada kakitangan untuk menumpukan dahulu apa yang boleh kita sumbangkan kepada syarikat. Sebenarnya, satu ikatan yang kuat antara pengurusan atasan dan bawahan adalah perlu. Pihak atasan perlu memahami masalah atau isu di bawah begitu juga dengan kakitangan perlu ada komitmen sepenuhnya untuk bekerja bersama syarikat. Akhir kata, saya ingin merumuskan bahawa kita boleh merancang dan usaha segalanya tetapi Allah SWT yang menentukan. Jadi kita harus berusaha dan berdoa, seterusnya kita redha dan tawakal. Insya-Allah, sekiranya kita dapat mengimbangi semuanya, kita akan menuju kejayaan yang lebih sempurna."



